

30 MAR 2001

Ikim-India

PERBINCANGAN OLEH CENDEKIAWAN UNTUK TANGANI IMEJ BURUK

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Cara terbaik untuk menangani persepsi buruk terhadap Islam oleh media barat ialah dengan mempelawa cendekiawan dari Timur dan Barat yang berlaian fahaman bagi perdebatan dan seminar, kata seorang cendekiawan yang sedang melawat negara ini hari ini.

Syed Shahid Mahdi, Naib Canselor New Delhi Jamia Millia Islamia berkata seminar atau debat Islam tidak harus mengehendkan peserta kepada mereka dari negara-negara Islam sahaja.

"Jangan hadkan seminar atau debat kepada negara-negara Islam sahaja," katanya kepada pemberita selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan Jamia Millia Islamia, di sini.

Katanya kegagalan untuk mempromosikan Islam secara global dan juga kekurangan maklumat dan persefahaman mengenai Islam telah menyebabkan persepsi dan gambaran buruk agama itu oleh Barat.

Jika Barat lebih memahami Islam, prejudis mereka akan berkurangan, katanya.

Syed Shahid berkata nilai-nilai tertentu Islam adalah universal, dengan itu mewujudkan sebuah jambatan bagi persefahaman di kalangan orang ramai terutamanya orang Barat.

Katanya dengan penubuhan Ikim, Malaysia telah melakukan satu usaha baik bagi menyebarkan semangat sebenar Islam, jauh daripada fahaman berpuak-puak, kekaburan dan fanatik.

Naib Canselor itu yang pertama kali melawat ke sini, kagum dengan pembangunan dan infrastruktur negara ini, memuji kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Malaysia adalah harimau ekonomi di Asia Tenggara, seekor harimau yang bijak," katanya.

Ketua Pengarah Ikim Datuk Ismail Ibrahim berkata MoU itu meliputi pertukaran penerbitan dan cendekiawan, perbincangan, penyelidikan dan seminar yang akan dianjurkan bersama.

-- BERNAMA

ER DC RHM